

# UMNO

UM 6 FEB 1988

# masalah

Oleh Khalid Mohd.

**K**UALA LUMPUR 5 Feb. — **Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad** hari ini menegaskan bahawa masalah yang sedang dihadapi oleh UMNO hanyalah masalah teknik dan beliau mempunyai banyak pilihan untuk mengatasinya.

“Berikanlah saya masa. Kami tahu apa yang perlu dibuat. Rakyat tidak perlu bimbang. Apa yang sedang dihadapi hanyalah satu masalah mudah yang akan diatasi,” kata Perdana Menteri.

Beliau yang kelihatan penuh yakin menghabiskan masa satu jam menjawab setiap pertanyaan para wartawan dalam sidang akhbar di Jabatan Perdana Menteri tengah hari ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkali-kali menegaskan bahawa soal yang paling penting sekarang ialah kerajaan yang sama masih wujud dan beliau sendiri masih mendapat kepercayaan ahli-ahli Dewan Rakyat untuk terus menjadi Perdana Menteri.

**LIHAT MUKA 6**

# hanya hadapi teknik — PM

# UMNO HANYA HADAPI MASALAH TEKNIK

UM 6 FEB 1988

Katanya, hakikat bahawa beliau kini bukan lagi Presiden UMNO dan wakil-wakil rakyat UMNO sudah tidak mewakili parti itu tidak sedikitpun menjejaskan perjalanan Kerajaan Pusat dan kerajaan - kerajaan negeri. Datuk Sri Dr. Mahathir bagaimanapun enggan memberitahu cara manakah yang akan beliau gunakan untuk menghalalkan semula UMNO yang disyitiharkan pertubuhan yang tidak sah oleh Mahkamah Tinggi

Kuala Lumpur semalam. Ditanya sama ada beliau akan mengambil langkah untuk mendaftarkan semula UMNO, beliau berkata: "Yalah, takkan saya nak tidur saja." Menurutnya, beliau telahpun berhubung dengan Pendaftar Pertubuhan dan diberitahu bahawa jabatan tersebut perlu terlebih dahulu mendapat dokumen rasmi daripada mahkamah berhubung keputusannya semalam sebelum mengambil sebarang

langkah. Ditanya apakah kedudukan UMNO sekarang, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, UMNO sudah tidak wujud lagi ekoran keputusan mahkamah itu. Begitu juga dengan mereka yang memegang jawatan dalam parti itu. Beliau menambah, keputusan mahkamah itu juga bererti kini sudah tidak wujud lagi sebarang cawangan atau bahagian UMNO serta Majlis Tertinggi. Ditanya apakah langkah

UMNO untuk mengatasi semua ini, Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan: "UMNO tidak wujud, macam mana saya nak buat langkah." Menurutnya, dalam keadaan sekarang sesiapa sahaja boleh mengambil apa juga langkah yang mereka mahu berhubung dengan masalah kedudukan UMNO. Ditanya tidakkah UMNO bercadang mendaftarkan semula 30 cawangan yang belum berdaftar itu, beliau berkata: "Macam mana UMNO hendak bergerak, UMNO tidak wujud. Apa hak saya hendak mendaftarkan 30 cawangan itu. Sanusi (Datuk Sri Sanusi Junid) pun tidak lagi menjadi Setiausaha Agung UMNO, macam mana dia nak daftar apa-apa." "Soal pokok ialah, ketika perhimpunan agung diadakan 24 April lalu, UMNO adalah sebuah pertubuhan tidak sah," ujarnya. Oleh itu, ujar beliau, soal mendaftarkan 30 cawangan yang belum berdaftar dan menimbulkan masalah itu sudah menjadi tidak penting lagi. Bila para wartawan menarik perhatiannya bahawa UMNO masih sah di sisi undang - undang sehinggalah Pendaftar Pertubuhan membatalkan pendaftarannya setelah menerima keputusan rasmi daripada Mahkamah Tinggi, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata: "Bagi kami, kami sudah tidak dapat bergerak lagi." Bila diingatkan bahawa mahkamah hanya mengisytiharkan UMNO pertubuhan tidak sah semasa pemilihan 24 April, Datuk Sri Dr. Mahathir cepat menjawab: "Mana boleh sekejap tidak sah dan tiba-tiba pula sah kembali. Mahkamahlah yang perlu memberitahu kami jika UMNO sah semula. Kepada kami, UMNO kini tidak sah." Datuk Sri Dr. Mahathir juga memberitahu, jawatankuasa 1986 tidak boleh berfungsi sebagai ganti kepada jawatankuasa 24 April 1987 kerana tempohnya sudah tamat. "UMNO sendiri sudah tidak wujud lagi, inikan pula jawatankuasanya," ujar beliau.